

**KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**



**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:
2. **No. Sebut Harga : JPSWPL(SI)2026.01**  
**Tajuk Projek : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH (SOIL INVESTIGATION WORKS) UNTUK PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI GERSIK WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**
3. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mestilah dari kalangan kontraktor tempatan (iaitu bagi negeri Sabah dan WP Labuan) sahaja di bawah bidang berikut;

<b>Gred</b>	<b>Kategori</b>	<b>Pengkhususan</b>
G1	CE	CE12- Kerja Penyiasatan Tanah


4. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Pengairan dan Saliran WP Labuan, Jalan Ranche-Ranche, WP Labuan** mulai dari **13/05/2026 (Rabu)**.
5. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
6. Taklimat dan Lawatan Tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **13/05/2026 (Rabu) pada jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Jabatan Pengairan dan Saliran WP Labuan, Jalan Ranche-Ranche, WP Labuan**
7. Dokumen sebut harga akan dihantar melalui **E-MEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** yang telah didaftarkan seperti para 3, serta syarikat yang telah berjaya melepasi syarat dan kelayakan yang ditetapkan mulai **13/05/2026 (Rabu)**.
8. Bagi sesi taklimat sebut harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/ Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK/ SPKK/ PUKONSA atau UPKJ. (ruj: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 1 Jun 2025).

KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



**KENYATAAN SEBUT HARGA**

9. Kontraktor hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), PUKONSA, UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera serta satu Salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat.
10. Sila bawa cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.
11. Sebut harga ini akan ditutup pada **20/05/2026 (Rabu)**. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran WP Labuan, Jalan Ranca-Ranca, WP Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
12. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum/pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

Tandatangan : .....

Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Wilayah Persekutuan Labuan

Tarikh: 06 Mei 2026